



## Peranan dan tanggung jawab antarabangsa China sebagai negara berkuasa besar

Hisham Kamal Othman Kamal<sup>1</sup>, Nor Azizan Idris<sup>1</sup>, Zarina Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Hisham Kamal Othman Kamal (email: [hishambhepmm@yahoo.com.sg](mailto:hishambhepmm@yahoo.com.sg))

### Abstrak

China adalah sebuah kuasa semakin meningkat yang hubungannya dengan Malaysia bukan saja harus dilihat dalam konteks hubungan dagang tetapi juga dalam konteks ASEAN dan pertikaian pulau Spratley. Penelitian ini membincangkan peranan dan tanggung jawab antarabangsa yang dipikul China sebagai sebuah negara berkuasa besar dengan menghuraikan tiga persoalan, iaitu bagaimana dunia perlu memahami peranan China sebagai satu kebangkitan kuasa; gambaran sesuai tanggung jawab China terhadap masyarakat antarabangsa; dan sikap yang dipamerkan China sebagai sebuah kuasa yang semakin meningkat. Hasil penelitian mendapati sejak China melaksanakan dasar transformasi dan pintu terbuka kepada dunia luar pada penghujung tahun 1970an, China mencapai Keluaran Negara Kasar (KNK) memberangsangkan yang meletakkannya sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar dunia di samping menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi serantau serta global. Pengekalan China di atas landasan kebangkitan ekonomi politik secara aman merupakan langkah transformasi penting dalam mengadaptasi corak ekonomi politik yang sesuai dengan bagi memenuhi kepentingan mereka. China berusaha melancarkan sejarah sebagai sebuah negara berkuasa besar pendukung prinsip mengutamakan keamanan, pembangunan sejagat, bekerjasama dengan negara lain termasuk mementingkan suasana menang-menang. China menggunakan segala ruang dan peluang bagi memastikan kejayaan pertumbuhan yang konsisten dan membenarkan dunia berkongsi faedah dari kejayaan mereka.

**Katakunci:** ASEAN, China, Pakatan Keselamatan AS-Jepun, pasca Perang Dingin, pertumbuhan ekonomi dan transformasi, rantau Asia Timur Laut

## China's roles and responsibilities as a global power

### Abstract

China is a fast emerging superpower whose relationships with Malaysia would be seen not only within the context of trade relations but also that of ASEAN and the Spratley dispute. This study examined China's international roles and responsibilities as a super power by elucidating how the world has to understand China's responsibility as an emerging super power; describing China's role towards the Asian community; and addressing the need for China to be more cautious given the prospect of its emergence as a super power. Results showed that since its economic transformation and open-door policy to the world in the late 1970s China had achieved a remarkable growth of GDP that had it placed as the second largest economic power in the world as well as a major powerhouse in global economy. China's spectacular and peaceful growth represented a vital transformation in adapting its political economy that best suited its interest. China strived to create history as a superpower that embraced the principles of peace, universal development, and win-win international cooperation. China had determined to use every opportunity to ensure consistent growth while allowing the world to share in it.

**Keywords:** ASEAN, China, Cold War, US-Japan Security Treaty, Northeast Asia Region, economic rise and transformation

## Pengenalan

Kebangkitan China sebagai sebuah negara penting di pesada serantau dan global telah menjadi fenomena signifikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kepimpinan China menyifatkan dua dekad pertama kurun ke-21 sebagai peluang strategik bagi pertumbuhan negara mereka. Tempoh tersebut juga dianggap paling sesuai bagi China membangunkan kuasa menyeluruh sebagai strategi yang menggabungkan elemen kuasa negara seperti keupayaan ekonomi, kuasa ketenteraan dan hubungan diplomasi di kedua-dua peringkat domestik serta antarabangsa. Ini merupakan peranan dan tanggung jawab besar bagi China sebagai sebuah negara berkuasa yang sedang bangkit. Justeru, bagi kepimpinan China hari ini, kejayaan membangunkan kuasa nasional secara keseluruhan dijangka memenuhi objektif strategik mereka untuk meneruskan pemerintahan Parti Komunis China (CCP), mengekalkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan politik domestik, mempertahankan kedaulatan negara serta integriti wilayah di samping menjamin status sebagai sebuah negara berkuasa besar. Menurut Zhang<sup>1</sup>, pada hari ini, "*China adalah gergasi yang sedang bangkit, China merupakan ancaman, China akan mengalami kejatuhan ekonomi dan China serta AS akan bersama mewujudkan sistem G2*". Ini menunjukkan dengan pertumbuhan pesat ekonomi dan kebangkitan kuasa mereka secara keseluruhannya, dunia kini mula menumpukan lebih perhatian terhadap China. Bagi memahami peranan dan tanggung jawab antarabangsa yang perlu dimainkan China sebagai sebuah negara berkuasa besar, artikel ini mengemukakan **tiga persoalan** penting untuk diberikan perhatian iaitu sejauhmana dunia perlu memahami dan menerima peranan China sebagai satu kebangkitan kuasa; tanggung jawab China terhadap masyarakat antarabangsa sebagai sebuah kuasa sedang bangkit; dan sikap yang dipamerkan China sebagai sebuah kuasa semakin meningkat.

## Dunia perlu memahami dan menerima China sebagai satu kebangkitan kuasa

Sejak China melalui transformasi ke arah menjadi negara China Baru terutamanya dengan pembukaan negara mereka kepada negara luar, China telah mengharungi pelbagai kejayaan termasuk mencapai kedudukan KNK yang memberangsangkan. Ini menobatkan China pada kedudukan ekonomi kedua terbesar dunia dan menjadi penggerak utama dalam pertumbuhan ekonomi global. Kini, China yang berstatuskan sebagai salah sebuah negara gergasi ekonomi global disarankan memikul tanggung jawab dan memainkan peranan penting dalam sistem antarabangsa khususnya bagi menangani pelbagai isu serantau serta global. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya status China sebagai negara sedang membangun terbesar dunia masih kekal dan pilihan strategik mereka untuk meneruskan kebangkitan secara aman masih tidak berubah. Justeru, pelbagai cabaran dan kesukaran yang bakal dihadapi China termasuk peranan mereka di peringkat antarabangsa dijangka ditentukan oleh keadaan negara mereka sendiri berdasarkan beberapa faktor seperti status China sebagai negara sedang membangun terbesar; kedudukan China sebagai kuasa serantau dengan pengaruh global; dan hasrat China untuk bangkit secara aman.

## Kedudukan China sebagai negara sedang membangun terbesar

Sejak lebih tiga dekad lalu dari tahun 1978 hingga 2012, KNK China telah melalui peningkatan yang memberangsangkan<sup>2</sup>. Keadaan ini menunjukkan lebih dari 200 juta warga China berjaya keluar dari jurang kemiskinan dan taraf hidup mereka juga semakin menunjukkan peningkatan. Namun, kerajaan China sedar bahawa kejayaan pertumbuhan ekonomi perlu dikongsikan bersama 1.3 bilion warga mereka.

Di samping mempunyai populasi besar, China masih diselubungi beberapa kelemahan domestik seperti asas ekonomi negara yang masih lemah, ketidakseimbangan pertumbuhan dan pembangunan di kawasan bandar serta luar bandar, struktur industri yang sukar termasuk memiliki tahap produktivi rendah. Sehingga ke hari ini, keadaan asas tersebut masih tidak berubah dan China perlu menangani masalah sosial serta ekonomi yang dianggap antara paling sukar di dunia. Dalam pada itu, pendapatan per kapita di China masih jauh lebih rendah dibandingkan negara rantau Eropah. Setiap tahun pemerintah China perlu menyediakan pekerjaan kepada lebih daripada 25 juta warga mereka<sup>3</sup>. Menurut Setiausaha Negara AS Clinton, adalah tidak dinafikan bahawa China merupakan sebuah negara sedang bangkit dan memiliki beratus juta warga yang telah keluar dari kancas kemiskinan, namun terdapat seratus juta lagi yang masih melalui kehidupan sukar dengan kos kehidupan sehari hanya pada kadar US\$1 ataupun kurang<sup>4</sup>. Pemerintah China tidak menyangkal kenyataan Clinton dan menganggap pernyataan tersebut satu fakta realiti dan adil untuk dikongsikan. Ini kerana pembangunan tidak seimbang masih merupakan realiti di China dan menunjukkan negara tersebut masih bertaraf sedang membangun. Dalam pada itu, halatuju China ke arah negara maju dianggap masih jauh dan banyak perkara yang harus dilaksanakan sebelum keseluruhan warga mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Bagi merealisasikan langkah permodenan negara mereka, China dijangka memerlukan masa yang lebih panjang.

### **China merupakan kuasa serantau dengan pengaruh global**

Pada ketika ini, China berkedudukan negara kedua ekonomi terbesar global dengan memiliki simpanan tukaran matawang asing terbesar dunia. China juga memiliki status negara industri dan negara pengeksport terbesar dunia di samping menjadi negara rakan dagang terbesar dengan 128 negara. Statistik dari Dana Kewangan Antarabangsa tahun 2013 menunjukkan sumbangan China terhadap pertumbuhan ekonomi rantau Asia adalah sehingga 50 peratus dan 27.8 peratus di peringkat global. Dalam persekitaran ekonomi semasa yang dipengaruhi arus globalisasi, penglibatan China dalam sistem antarabangsa semakin menunjukkan peningkatan dan langkah tersebut telah memperluaskan pengaruh mereka dalam arena antarabangsa. Di samping itu, sebagai negara ahli tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, China sering memainkan peranan penting bagi menangani pelbagai isu global di wilayah berisiko tinggi seperti isu nuklear Iran, isu nuklear Korea Utara, krisis Ukraine, perang saudara Syria dan konflik Palestin-Israel di samping menyumbang ke arah mengekalkan keamanan dunia serta meneruskan agenda pertumbuhan secara bersama. Namun begitu, pada hakikatnya masih terdapat kelompangan antara China dengan beberapa negara utama lain terutamanya AS dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan, penyelidikan, kreativiti dan teknologi, pelaburan dalam pembangunan termasuk penglibatan ketenteraan mereka dalam menangani isu global dan sebagainya. Oleh itu, kedudukan China masih dianggap belum menepati kriteria dan piawaian sebagai sebuah negara berkuasa besar, apatah lagi untuk mengambil tanggung jawab sepertimana AS serta beberapa negara maju lain.

### **China berhasrat untuk bangkit secara aman**

Menurut Zhang, untuk China kekal di landasan kebangkitan secara aman bukan sesuatu imaginasi tetapi merupakan langkah transformasi dengan mengadaptasikan corak sistem global bagi memenuhi kepentingan mereka. Justeru, China melaksanakan beberapa langkah penyesuaian di peringkat luaran dan dalaman seperti bersikap akur dengan pelbagai peraturan serta undang-undang antarabangsa di samping menjalinkan hubungan baik dengan negara lain di peringkat serantau termasuk global. Dari segi luaran, kebangkitan aman merupakan pilihan penting bagi China untuk menyesuaikan negara dengan corak persekitaran global yang mencabar masa kini. Sepertimana dinyatakan Friedman bahawa dunia kini menjadi semakin mengecil dan rata serta hubungan antara negara menjadi semakin dekat. Dalam keadaan semasa, hubungan di kalangan negara yang memiliki sistem sosial dan peringkat pertumbuhan berbeza dijangka mengubah keadaan negara dari melakukan tindakan “perkiraan campur-tolak” kepada saling

bergantungan. Dalam keadaan dunia hari ini, tiada negara yang dapat berdiri dengan sendiri termasuk menghadapi dan menangani konflik secara bersendirian. Setiap tindakan negara mempunyai implikasi terhadap negara sendiri dan negara lain. Maka, langkah melakukan kerjasama dan mewujudkan suasana menang-menang bukan lagi menjadi satu pilihan tetapi hanya itu pilihan yang ada.

Dari segi dalaman pula, menyemai sikap mencintai kedamaian dan keamanan dianggap penting dalam budaya tradisi China. Berdasarkan sejarah China yang lampau, idea seperti menjadi negara jiran baik dan memiliki sikap mengambil berat serta mementingkan keadaan harmoni telah menjadi akar umbi dalam semangat negara China. Justeru, sifat sedemikian telah mewujudkan hubungan baik secara berterusan antara China dengan negara lain sejak berkurun lama. Pada hakikatnya, China tidak pernah memiliki budaya dan tradisi bersifat agresif seperti melakukan tindakan penaklukan, perluasan kuasa serta bercita-cita menjadi negara hegemon di mana-mana rantau. Sejak dua ribu tahun yang lampau, Tembok Besar China yang dibina semasa pemerintahan Dinasti Qing berjaya mempertahankan China dari pelbagai ancaman dan serangan luar. Sejak beratus tahun dahulu juga, China sebagai sebuah kuasa terhebat dunia dengan memiliki 30 peratus hasil dari KNK dunia turut tidak melakukan sebarang tindakan perluasan wilayah atau berhasrat menjadi negara dominan<sup>5</sup>. Selepas Perang Candu Pertama tahun 1840, rakyat China telah melalui keadaan tidak menentu dengan suasana huru-hara dan pelbagai peperangan yang berlanjutan selama beberapa abad akibat sering ditekan kuasa penjajah Barat. Namun, bagi warga dan generasi China yang telah mengalami pelbagai pengalaman penderitaan serta kesukaran hidup, mereka sentiasa menghargai di samping mementingkan sifat kasih sayang yang mendambakan suasana keamanan berkekalan kerana tidak sanggup melalui semula keadaan peperangan yang bersifat memecahbelahkan.

Kini, China mula menarik perhatian global berdasarkan kejayaan pertumbuhan pesat ekonomi yang memberangsangkan. Di sebalik kejayaan tersebut, masyarakat antarabangsa pula mula berasa bimbang sekiranya peningkatan kuasa China mengubah mereka menjadi agresif dan mengulangi sejarah konflik antara negara kuasa yang sedang meningkat dengan negara kuasa sedia ada sepertimana digambarkan melalui karya *Thucydides Trap*<sup>6</sup>. Sehubungan itu, Presiden China Xi Jinping seringkali menjelaskan bahawa idea bagi sesebuah kuasa besar yang hanya ingin menjejaki status hegemon tidak menepati bagi negara China memandangkan mereka tidak pernah memiliki sifat sedemikian. Xi menegaskan bahawa China merupakan negara yang amat cinta dan menghargai keamanan sejagat. Justeru, tanpa keamanan, negara China dan seluruh dunia tidak akan dapat membangun dengan sempurna dan tanpa pembangunan pula, China serta seluruh dunia sukar menikmati suasana aman yang berpanjangan. Oleh yang demikian, China pastinya meneruskan kebangkitan mereka secara aman dan bukan melalui tindakan perluasan melalui kuasa ketenteraan.

### **Tanggung jawab China sebagai kuasa sedang meningkat di peringkat antarabangsa**

Ketika kuasa dan pengaruh global China meningkat secara keseluruhan, masyarakat antarabangsa mula meletakkan harapan tinggi pada China sebagai salah sebuah negara utama dunia bagi memikul tanggung jawab serta peranan yang lebih besar. Pada tahun 2005, Zoellick<sup>7</sup> memperkenalkan konsep negara berkepentingan dan China yang dianggap sebahagian dari negara berkuasa besar mula menerima tekanan dari konsep tersebut. Namun, terdapat pandangan berbeza di kalangan masyarakat antarabangsa untuk China membawa tanggung jawab ini. Dalam pada itu, terdapat desakan di kalangan negara membangun yang mengharap supaya China dapat bertindak sebagai sebuah negara yang bakal mencorakkan suasana baru pada masa hadapan. Selain itu, beberapa negara membangun lain termasuk AS turut mengharap agar China dapat maju ke hadapan bagi memikul beban secara bersama. Namun, terdapat juga pandangan yang menggesa supaya China hanya mengambil tanggung jawab bersesuaian dengan keupayaan dan status mereka di peringkat antarabangsa.

## **Negara membangun mengharapkan China mencorakkan suasana baru pada masa hadapan**

Sejak beberapa lama China senantiasa menganggap mereka sebahagian dari negara sedang membangun yang memiliki ikatan rapat dan keperluan serta idea yang serupa dengan negara sedang membangun lain. Ini termasuk melakukan kerjasama dengan negara lain bagi menghadapi pelbagai cabaran semasa di peringkat rantau dan global. Presiden Xi menyatakan bahawa negara China sentiasa memberikan penekanan dan mengutamakan elemen moral dan kepentingan dengan meletakkan elemen moral sebagai teras utama bagi mengukuhkan hubungan dengan negara sedang membangun termasuk meningkatkan sokongan kepada mereka. Sejak tahun 2010, China telah berjaya melaksanakan dasar bebas cukai ke atas 60 peratus barangan diimport dari 33 negara kurang membangun dan China turut memberikan lebih faedah serta peluang mengurangkan atau memansuhkan hutang negara sedang membangun termasuk membantu mempromosikan usaha pertumbuhan ekonomi.

Langkah reformasi dan Dasar Buka Pintu China sejak lebih tiga dekad menjadikan mereka negara contoh bagi kebanyakan negara sedang membangun. Pada masa ini, kebanyakan negara rantau Afrika mula melaksanakan dasar Pandang ke Timur dan beberapa negara di rantau Latin Amerika pula melakukan dasar Pandang ke Barat ke arah China. Dalam pada itu, kebanyakan negara rantau Asia Tenggara dan ASEAN turut menekankan bagi mengadakan kerjasama menyeluruh dengan China. Kebanyakan negara tersebut bukan sahaja tertarik dengan peluang dagangan, pelaburan dan bantuan dana jangka panjang yang ditawarkan China tetapi juga bagi mendapatkan pengalaman serta kejayaan dari pertumbuhan ekonomi China<sup>8</sup>. Secara keseluruhannya, kebanyakan negara sedang membangun semakin teruja dengan pengalaman pertumbuhan ekonomi China dan meletakkan harapan supaya China dapat meluaskan pengaruh menjadi sebuah negara kuasa hebat di samping memainkan peranan lebih besar dalam menangani pelbagai isu serantau serta antarabangsa. Dari segi politik, China dianggap memiliki kemampuan untuk menegakkan keadilan dan mementingkan kesamarataan antarabangsa, mempromosikan usaha pendemokrasian dalam hubungan antarabangsa serta memelihara kepentingan bersama di kalangan negara sedang membangun. Manakala dari segi ekonomi pula, kebanyakan negara sedang membangun dijangka dapat menimba pengalaman dari kejayaan pertumbuhan ekonomi melalui langkah pemboncengan dengan China untuk mengambil peluang terhadap pasaran domestik yang luas di samping mempromosikan pertumbuhan ekonomi domestik mereka.

## **AS dan negara sedang membangun mengharapkan kemajuan China memikul tanggung jawab lebih besar**

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan berakhirnya suasana krisis ekonomi global dan pengurangan beban hutang negara rantau Eropah, AS bersama kebanyakan negara Eropah telah mengambil langkah berwaspada bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang rendah. Secara keseluruhannya, kekuatan dan pengaruh global negara rantau Eropah dijangka mengalami penurunan dibandingkan China yang sedang mempamerkan kebangkitan serta pertumbuhan memberangsangkan. Oleh yang demikian, AS dan negara rantau Eropah menyarankan China membahu tanggung jawab lebih besar selaras dengan kedudukan mereka sebagai sebuah negara berkuasa besar. Pada hakikatnya, desakan mereka terhadap China dianggap mementingkan diri sendiri, tidak adil dan bercanggah dengan prinsip negara Barat. Misalnya, negara Barat dengan sengaja mengenakan sekatan tegas terhadap penjualan senjata ke China dan mewujudkan tindakan yang dikenali sebagai Pengepungan jenis C<sup>9</sup> serta pada masa yang sama mendesak China agar telus dalam berkongsi maklumat mengenai keupayaan serta perolehan ketenteraan mereka. Selain itu, negara Barat juga pernah mendesak China membuka pasaran dan melakukan usaha memelihara harta intelek ketika mereka pula mengenakan sekatan eksport terhadap peralatan berteknologi tinggi ke China.

Selain itu, mereka turut menghalang pelaburan China dan sebaliknya meminta China menyumbangkan lebih banyak dana bagi memulihkan keadaan ekonomi global. Mereka juga menolak untuk memenuhi

piawai peratusan bagi perlepasan gas karbon dioksida atau gas rumah hijau yang telah ditetapkan dalam Protokol Kyoto<sup>10</sup> namun dalam masa yang sama mendesak China melakukan tindakan mengurangkan perlepasan gas rumah hijau. Di samping itu, mereka melakukan provokasi dengan menyokong pertumbuhan pengganas Turkistan Timur dan kumpulan pemisah Tibet untuk mengganggu ketenteraman termasuk melakukan sabotaj ke atas kepentingan China tetapi mendesak China pula untuk melindungi hak autonomi kumpulan etnik serta menghormati hak perundangan kumpulan pemberontak tersebut. Kesemua fakta ini menunjukkan AS dan negara Barat mengambil sikap tidak peduli terhadap hal ehwal serta tahap pertumbuhan China pada masa ini. Tindakan mereka memperkenalkan pelbagai keperluan tidak praktikal hanya bertujuan menarik China ke dalam sistem ekonomi serta politik antarabangsa sedia ada di samping terus mengekalkan kepimpinan mereka dalam orde antarabangsa.

### **China mengambil tanggung jawab bersesuaian dengan kemampuan dan status mereka di peringkat antarabangsa**

Dalam usaha China melakukan sumbangan di peringkat antarabangsa, beberapa langkah dilaksanakan seperti menimbang faktor kemampuan, peranan dan tanggung jawab. Dari satu sudut, China harus memikul tanggung jawab sebagai sebuah negara berkuasa besar dan memainkan peranan aktif bagi menangani pelbagai isu antarabangsa. Dari sudut yang lain pula, China perlu akur dengan status sebagai negara sedang membangun dan terpaksa menolak sebarang bentuk tanggung jawab antarabangsa yang melangkaui kekuatan serta kemampuan mereka. Oleh itu, antara langkah yang dapat dilaksanakan China bersesuaian dengan status mereka adalah untuk cuba memikul tanggung jawab besar dengan sebaik mungkin. Ini merupakan demonstrasi penting bagi China sebagai sebuah negara bertanggung jawab. Hanya setelah masalah yang dihadapi China (ketika dalam proses kebangkitan) dapat diselesaikan, barulah China dapat memiliki keseluruhan kuasa dan moral bagi memikul tanggung jawab lebih besar di peringkat antarabangsa. Tidak pernah dalam sejarah mana-mana negara sedang meningkat yang memiliki populasi sebesar China. Sebagai perbandingan, pada kurun ke-18, negara berkuasa serta berpengaruh seperti United Kingdom, Perancis termasuk Jerman hanya mempunyai beberapa ratus juta penduduk sahaja tetapi dalam kurun ke-21 China telah mencapai populasi melebihi satu bilion yang melebihi populasi negara yang pernah meningkat naik. Ini menunjukkan keadaan baru bagi sesebuah negara berkuasa yang sedang meningkat naik. Sekiranya China menjadi tidak stabil, keadaan tersebut dijangka bukan sahaja mencetuskan tragedi kemanusiaan yang besar malah turut memberikan kesan sampingan terhadap negara serantau. Oleh yang demikian, langkah mengekalkan pertumbuhan ekonomi sihat dan mapan di samping memastikan kestabilan politik serta sosial merupakan sumbangan penting China sebagai sebuah negara utama yang bertanggung jawab.

Selain itu, China turut bertanggung jawab memastikan dan mengekalkan keadaan persekitaran rantau yang stabil, aman serta makmur. Sebagai salah sebuah negara serantau dengan pengaruh global yang besar, China bertanggung jawab menyumbangkan faedah kepada negara serantau melalui langkah reformasi dan dasar terbuka mereka. Ini secara langsung dapat membantu mengurangkan pelbagai isu dan masalah serantau berisiko tinggi di samping meneruskan agenda mengekalkan orde harmoni keselamatan serantau. Dalam pada itu, China dijangka melakukan lebih usaha bagi mempromosikan kerjasama ekonomi serantau melalui pembinaan Lingkaran Ekonomi Lebuhraya Sutera (SREB)<sup>11</sup> dengan memperkenalkan moto '*one belt one road*' terutamanya bagi Laluan Sutera Maritim (MSR)<sup>12</sup> dalam abad ke-21 ini.

China dijangka mempercepatkan strategi bilateral dan multilateral dengan memperluaskan kawasan dagangan bebas bagi membangunkan komuniti yang mempunyai ikatan kukuh serta melaksanakan tanggung jawab bersama. Kerjasama keselamatan politik serantau dijangka turut diperkasakan bagi mengukuhkan hubungan persahabatan di kalangan negara serantau. Di samping itu, kerjasama dalam bidang keselamatan tradisional dan bukan tradisional dijangka menyediakan lebih banyak perlindungan bagi masyarakat serantau. China juga dijangka mengambil bahagian secara aktif dalam rundingan isu nuklear Iran, program nuklear Korea Utara dan masalah berkaitan wilayah yang kritikal. Selain itu, China

perlu meningkatkan kepercayaan di kalangan negara ahli sebagai negara perunding bagi merendahkan tahap konflik. Ini termasuk mengawal dan menguruskan krisis atau konflik di samping mengawal kestabilan serta keselamatan serantau.

Tambahan lagi, langkah lain yang dapat dilaksanakan China bersesuaian dengan status mereka adalah mengekalkan orde dan norma sedia ada dalam hubungan antarabangsa. Usaha mengekalkan orde antarabangsa pasca perang oleh masyarakat antarabangsa yang mencintakan keamanan di seluruh dunia melalui pengorbanan nyawa dan darah adalah sesuatu yang sukar dicapai. Justeru, norma dalam hubungan antarabangsa yang didukung melalui Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu dihargai. Bagi Jepun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, para pemimpin mereka bukan sahaja mengambil sikap berdiam diri terhadap sejarah kekejaman lampau tetapi telah secara tidak langsung mengembalikan semula kisah silam sejarah Perang Dunia Kedua melalui tindakan pindaan Perlembagaan Aman sedia ada. Pada asalnya, tujuan Perlembagaan tersebut dibentuk bagi memastikan Jepun tidak kembali menjadi kuasa ketenteraan agresif. Tindakan Jepun tersebut hanya menjejaskan usaha mengekalkan keamanan dan kestabilan rantau Asia Pasifik dalam era pasca perang termasuk meningkatkan semula kebimbangan masyarakat antarabangsa. Dalam keadaan ini, China dijangka mengambil kesempatan berkerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi mempertahankan dan mengekalkan suasana pasca Perang di rantau ini.

### **Sikap China sebagai kuasa semakin meningkat pada masa hadapan**

Setelah lebih dari tiga dekad melakukan pelbagai langkah perubahan melalui dasar pintu terbuka, China kini berkeyakinan tinggi bagi meneruskan kebangkitan mereka tanpa sebarang keraguan untuk mensasarkan kedudukan utama di peringkat serantau dan global. Sejak berlangsungnya persidangan Kongres CCP ke-18<sup>13</sup>, lapisan baru kepimpinan China mula melakukan pelbagai perubahan di peringkat global dengan memperkenalkan beberapa idea strategik penting supaya China dapat berinteraksi dengan dunia luar secara lebih positif. Ini termasuk melaksanakan langkah perkongsian faedah dengan negara serantau hasil dari pertumbuhan pesat mereka bagi merealisasikan masa hadapan yang lebih meyakinkan. Di samping itu, keadaan tersebut dijangka mewujudkan persekitaran penuh kerjasama dan suasana menang-menang di peringkat serantau serta global. Antara idea strategik China adalah merealisasikan impian China; mementingkan faktor keamanan melalui misi diplomatik; memperluaskan kerjasama persahabatan dengan negara jiran; merealisasikan usaha berterusan bagi meningkatkan tahap kerjasama di kalangan negara sedang membangun; berperanan aktif melaksanakan tadbir urus di peringkat global; memperluaskan hubungan ekonomi dan dagang atas dasar kepercayaan bersama dalam keadaan menang-menang; mengawal keselamatan negara tanpa keraguan; menerima konsep keselamatan negara secara menyeluruh; mengawal kepentingan utama negara; dan menangani perbezaan melalui proses perundingan.

### **Merealisasikan impian China**

Presiden Xi menyatakan impian warga China sejak era permodenan mereka adalah untuk merealisasikan pembaharuan hebat bagi negara China. Xi menjelaskan berkenaan misi bersejarah bagi menjayakan agenda sasaran dua serampang mata seperti “Dua Abad China” untuk melengkapkan usaha membangunkan rakyat China dengan kemakmuran menjelang tahun 2020 dan seterusnya mengubah China kepada negara sosialis moden pada pertengahan abad ke-21. Impian China adalah berkaitan dengan kemakmuran, perubahan dan keceriaan<sup>14</sup>. Dalam erti kata lain, signifikan bagi langkah merealisasikan impian China adalah dengan melaksanakan pelbagai pembaharuan dengan membawa kemakmuran dan faedah yang dapat dikecapi bukan sahaja terhadap seluruh warga China malah kepada seluruh dunia. Impian China merupakan sebahagian dari impian dunia berkenaan soal keamanan, pembangunan, kerjasama dan suasana menang-menang sepertimana impian kebanyakan penduduk di seluruh dunia yang

mementingkan kemakmuran pada masa kini serta hadapan. Justeru, kunci utama China bukan sahaja bagi meningkatkan kefahaman dan pengiktirafan dari masyarakat antarabangsa tetapi untuk turut mendapatkan sokongan daripada majoriti negara dunia.

### **Mementingkan keamanan melalui polisi diplomatik**

Tujuan polisi diplomatik China adalah untuk mengekalkan keamanan dunia, mempromosikan pertumbuhan secara bersama dan mewujudkan suasana positif demi memenuhi impian mereka. Sehubungan itu, China telah mula melaksanakan langkah mempromosikan hubungan dengan kebanyakan negara utama dunia. Misalnya, pada bulan Jun 2013, Presiden Xi dan Presiden Obama telah bertemu di California dan bersetuju menandatangani beberapa siri perjanjian penting bagi membangunkan model berkaitan hubungan antara negara utama. Siri perjanjian tersebut merangkumi perkara seperti mewujudkan persekitaran tanpa konflik, tanpa konfrontasi, sikap saling hormat-menghormati, bekerjasama dan mementingkan suasana menang-menang. Kepentingan dari perjanjian tersebut memberikan faedah terhadap usaha mengurangkan sejarah konflik antara kuasa sedia ada dengan kuasa yang semakin meningkat. Perjanjian ini juga penting bagi meneruskan satu bentuk hubungan antarabangsa yang baru. Pada bulan Mei 2014, pemimpin China dan Rusia telah mencapai persetujuan melalui perjanjian semasa berlangsung Sidang Kemuncak CICA<sup>15</sup> di Shanghai bagi meningkatkan hubungan politik serta kepercayaan strategik termasuk kerjasama menyeluruh antara kedua-dua negara. Perjanjian tersebut telah mempercepatkan kerjasama strategik secara menyeluruh ke satu tahap baru yang mempamerkan keunikan di peringkat tertinggi dalam hubungan Sino-Rusia.

### **China meluaskan kerjasama dan persahabatan dengan negara jiran**

China komited untuk meluaskan dan meningkatkan hubungan dengan negara serantau melalui penekanan terhadap polisi “jiran yang baik” sebagai tanda persahabatan, kejujuran di samping memperolehi faedah secara bersama dan saling melengkapi serta bekerjasama membina komuniti serantau yang mempunyai halatuju bersama. Pada Sidang Kemuncak CICA lalu, Presiden Xi memperkenalkan Konsep Keselamatan Asia bagi mempromosikan langkah usahasama dan kerjasama menyeluruh serta berkekalan. Sehubungan itu, langkah yang diambil China menunjukkan hasrat baik dan harapan tinggi mereka untuk bersama-sama dengan negara serantau bagi mencapai kemajuan bersifat menang-menang. Pada tahun 2013, China bersama-sama dengan para pemimpin negara dan ketua kerajaan dari 21 negara bersempadanan bersetuju meningkatkan kerjasama melalui pelbagai mekanisme kerjasama serantau seperti Organisasi Kerjasama Shanghai, Forum *Boao* untuk Asia dan Rangkakerja Kerjasama Sino-ASEAN 2+7. Dalam pada itu, China turut melakukan usaha mengekalkan persekitaran aman dan stabil di rantau Asia serta tidak membenarkan sebarang keadaan ketidakstabilan termasuk konflik yang dapat menjejaskan pertumbuhan mereka.

### **Usaha berterusan China bagi meningkatkan kerjasama di kalangan negara sedang membangun**

Presiden Xi mencadangkan supaya prinsip kejujuran, kepentingan, persahabatan dan keikhlasan ditekankan dalam hubungan kerjasama dengan negara rantau Afrika. Beliau turut menekankan supaya China bersedia membantu negara rantau tersebut melaksanakan langkah kebergantungan, berdikari dan seterusnya mencapai pertumbuhan ekonomi mapan. Selain itu, kerjasama menyeluruh antara China dan negara rantau Latin Amerika turut dipamerkan melalui langkah kesamarataan di samping menerima pelbagai peluang serta faedah melalui pertumbuhan bersama. Bagi China dengan beberapa negara rantau Arab pula, China mempunyai ikatan persahabatan baik dan merupakan rakan dagang yang saling



menghormati serta menerima pengiktirafan, kepercayaan di samping senantiasa berusaha meningkatkan kerjasama strategik menyeluruh bagi melaksanakan pembangunan secara bersama.

### **China berperanan aktif melaksanakan tadbir urus di peringkat global**

Dalam usaha China merealisasikan agenda mereka, beberapa tindakan dijangka dilaksanakan seperti berikut:-

- i. Memperkenalkan beberapa perancangan pada masa hadapan di samping berkongsi pengalaman kejayaan dan memenuhi tanggung jawab di peringkat antarabangsa berdasarkan kemampuan sebagai sumbangan terhadap keamanan serta pembangunan kemanusiaan;
- ii. Mendukung Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan norma asas dalam hubungan antarabangsa;
- iii. Mempromosikan dan melaksanakan langkah kerjasama multilateral;
- iv. Melibatkan negara dalam pelbagai isu multilateral dengan mempromosikan kepelbagaian polar;
- v. Bekerjasama dengan negara lain bagi mengawal integriti dan prinsip antarabangsa;
- vi. Memainkan peranan aktif menangani isu wilayah kritikal serantau;
- vii. Mempromosikan pengisian bagi Sasaran Pembangunan Milenium PBB<sup>16</sup>; dan
- viii. Menangani isu global dan perubahan iklim serta keselamatan siber.

### **Meluaskan hubungan ekonomi dan dagangan atas dasar kepercayaan bersama serta dalam suasana menang-menang**

Presiden Xi menekankan terhadap beberapa perkara dalam bidang ekonomi dan dagangan seperti kepentingan melakukan kerjasama daripada bersikap agresif, mempromosikan idea terbuka daripada tertutup bagi mencapai keadaan menang-menang daripada “campur-tolak”, mencapai langkah integrasi daripada perpecahan, bekerjasama ke arah pertumbuhan ekonomi global yang dinamik, pengkelan dan keseimbangan melalui semangat keterbukaan, saling melengkapi serta berkerjasama. Dalam beberapa tahun akan datang, China dijangka mengimport pelbagai komoditi bernilai lebih dari US\$10 trilion dan melabur lebih US\$500 bilion di luar negara serta dijangka menerima kemasukan pelancong sehingga 500 juta orang. Bagi merealisasikan keadaan tersebut, China sedang rancak melaksanakan langkah seperti berikut:-

- i. Mempercepatkan pembinaan SREB dan MSR–abad ke-21 dengan menghubungkan negara serantau melalui sistem pengangkutan, dagangan, kewangan serta interaksi manusia;
- ii. Memaksimumkan pengagihan industri dan menjayakan langkah menang-menang melalui kerjasama bilateral serta multilateral;
- iii. Membangunkan koridor ekonomi melalui kerjasama dengan negara Bengal, India, Burma dan Pakistan;
- iv. Meningkatkan kawasan dagangan bebas (FTA) Sino-ASEAN bagi membangunkan struktur kerjasama ekonomi dan industri serantau;
- v. Melakukan penjelajahan membangunkan pasaran integrasi dalam bidang dagangan dan pelaburan;
- vi. Mengadakan pelbagai peringkat pengedaran dalam bidang pertukaran matawang dan kewangan; dan
- vii. Mewujudkan komunikasi berkesan melalui gabungan elemen laut-darat-udara dalam bidang infrastruktur.

## **Mengawal keselamatan negara dengan melaksanakan konsep keselamatan menyeluruh dan melindungi kepentingan utama negara**

Kejayaan China mencapai pertumbuhan ekonomi drastik mempengaruhi peningkatan perancangan untuk lebih mengutamakan keselamatan negara pada masa kini berbanding sebelumnya. Ini termasuk mengambil kira faktor keluasan wilayah yang lebih besar dan faktor luar negara serta domestik yang lebih sukar serta mencabar terutamanya dalam era kebangkitan mereka yang menjadikan usaha mengekalkan keselamatan negara menjadi semakin sukar. China juga memberikan penekanan terhadap keseimbangan keselamatan secara menyeluruh merangkumi keadaan luar negara dan domestik, keselamatan dalam negara dan awam, keselamatan tradisional dan bukan tradisional, isu pembangunan dan keselamatan, keselamatan peribadi serta bersama. Dalam pada itu, China tidak pernah meneruskan agenda pembangunan mereka di atas kepentingan negara lain. China berusaha mengambil tindakan sewajarnya bagi menangani segala pertikaian terutamanya yang melibatkan isu kedaulatan wilayah dan kepentingan serta hak maritim, mengelakkan sebarang gangguan termasuk aktiviti sabotaj dan ancaman luar. Di samping itu, China turut berusaha mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara serta menekankan kepentingan terhadap pertumbuhan negara.

## **Menangani perbezaan melalui proses perundingan**

China berjaya menyelesaikan beberapa isu persempadanan dengan kebanyakan negara serantau melalui rundingan dalam suasana aman. Untuk masa hadapan, China dijangka meneruskan langkah menangani pertikaian yang melibatkan soal kedaulatan dan kepentingan mereka secara aman dengan menghormati fakta sejarah serta undang-undang antarabangsa bagi mengurangkan sebarang perbezaan untuk menyelesaikan pertikaian dengan penuh kejujuran serta kesabaran. China juga dijangka tidak membesarkan dan menyukarkan sebarang proses pertikaian hingga membawa kepada konflik.

## **Kesimpulan**

Melalui sejarah, ketamadunan China merupakan tamadun yang masih kekal sejak lima ribu tahun lampau tanpa sebarang gangguan. Ini kerana China senantiasa mengekalkan dan mendambakan konsep kasih-sayang menyeluruh, kebaikan, harmoni serta bukan kesamaan. Sepanjang generasi warga China, tidak wujud sebarang warisan yang membawa sifat kekejaman dan ciri hegemon. Warga China juga menolak tanggapan bahawa semua negara berkuasa besar akan menjadi negara hegemon. Oleh itu, China berhasrat menjadi negara berkuasa pertama dalam era perindustrian moden untuk menunjukkan kebangkitan mereka adalah secara aman. Pada hari ini, China berhasrat melakarkan sejarah sebagai sebuah negara berkuasa besar yang mendukung sifat keamanan, pembangunan, kerjasama dan mementingkan suasana menang-menang dalam melakukan pelbagai sumbangan terhadap masyarakat antarabangsa. China bukan sahaja membangunkan negara dan meneruskan usaha menjamin suasana antarabangsa yang stabil serta aman tetapi turut mempromosikan keamanan global melalui kebangkitan mereka. Akhirnya, China dijangka menggunakan segala ruang dan peluang demi memastikan kejayaan pertumbuhan mereka serta turut membenarkan dunia berkongsi peluang dari kejayaan ini.

## Rujukan

- Axelrod R, Keohane RO (1985) Achieving Cooperation under Anarchy: Strategies and Institutions. *World Politics* 38 (1), 226-254.
- Breslin S (2010) China's Emerging Global Role: Dissatisfied Responsible Great Power. *Politics* 30 (1), 52-62.
- Calder K (2009) *Pacific Alliance: Reviving US-Japan Relations*. Yale University Press, USA.
- Clinton H (2014) *Hard Choice*. Simon & Schuster.
- Connors M, Davidson R, Dosch J (2004) *The New Global Politics of the Asia Pacific*. Routledge, New York.
- Dellios R (2010) The PRC's Governance Diplomacy in the Asia-Pacific Region. In: Chow EW, Kao S, Yu P (eds) *International Governance, Regimes, and Globalization: Case Studies from Beijing and Taipei*. Lexington Books, Lanham, MD.
- Foot V, Walter A (2011) *China, the United States, and Global Order*. Cambridge University Press, Cambridge.
- Friedberg AL (1994) Ripe for Rivalry: Prospects for Peace in a Multipolar Asia. *International Security* 18 (3), 5-33.
- Friedman T (2012) *The Next Decade: Empire and Republic in a Changing World*. Anchor Books, New York.
- Gill B (2010) *Rising Star: China's New Security Diplomacy*. Brookings Institution Press, Washington D.C.
- Gurtov M (2008) China and the United States: Responsible Stakeholder or Emerging Threat? *Asian Perspective* 32 (4), 181-183.
- Han S, Jianbo L (2012) China's Strategic Option: Multilateralism and the pursuit of influence. In: Lee C, Pempel T (eds) *Security Cooperation in Northeast Asia: Architecture and Beyond*. Routledge, London.
- Jacques M (2009) *When China Rules the World: The End of the Western World and the Birth of a New Global Order*. Penguin Group, New York.
- Jervis R (1978) Cooperation Under the Security Dilemma. *World Politics* 30 (2), 167-214.
- Johnston A (2003) Is China a Status Quo Power? *International Security* 27 (4), 5-56.
- Kent A (2009) *Beyond Compliance: China, International Organizations, and Global Security*. NUS Press, Singapore.
- Kurlantzick J (2007) *Charm Offensive: How China's Soft Power is Transforming the World*. New Yale Press, New Haven.
- Lai H, Lu Y (2012) *China's Soft Power and International Relations*. Routledge, London.
- Lanteigne M (2009) *Chinese Foreign Policy: An Introduction*. Taylor & Francis, London.
- Li R (2008) *A Rising China and Security in East Asia: Identity Construction and Security Discourse*. Taylor & Francis, London.
- Mearsheimer J (2001) *The tragedy of Power Politics*. W.W. Norton, New York.
- Mearsheimer J (2006) China's unpeaceful rise. *Current History* 105 (690), 160-162.

## Nota akhir

1. Zhang Jianguo adalah Penasihat Kanan di *China Institute for International Strategic Studies*. Perbualan ringkas dengan beliau semasa 3<sup>rd</sup> MIMA South China Sea Conference—dari 2-3 September 2014 di Kuala Lumpur.
2. KNK China mengalami peningkatan sebanyak 23 kali dan pendapatan isi rumah di kawasan bandar meningkat sebanyak 23.3 kali termasuk luar bandar sebanyak 10.8 kali.
3. Ini bersamaan lima kali ganda daripada keseluruhan jumlah penduduk Denmark.
4. Hillary Clinton menyatakan pandangan tentang China dalam *Hard Choice*.

5. Zheng pernah memimpin armada China dan melawat beberapa negara di wilayah Lautan Barat sebanyak tujuh kali dengan membawa pelbagai barangan seperti sutera China, teh dan sebagainya tanpa niat melakukan penjajahan.
6. Istilah ini diilhamkan Graham Tillet Allison, Jr. yang merupakan pakar politik AS di Universiti Harvard merujuk terhadap kebimbangan sesebuah kuasa sedang bangkit dalam persekitaran kewujudan sesebuah kuasa sedia ada yang berpotensi mencetuskan peperangan atau konflik.
7. Joey Zoellick adalah Timbalan Setiausaha Negara AS.
8. Pada tahun 2006, Presiden Afrika Selatan Mbeki menulis sebuah artikel semasa menghadiri Sidang Kemuncak Beijing berjudul *The Hope Was Born in Tiananmen Square* menggambarkan kekaguman terhadap pertumbuhan drastik ekonomi China. Dalam pada itu, Presiden Mexico Pena pula menyatakan bahawa pengalaman pertumbuhan ekonomi China penting untuk dipelajari Mexico semasa berucap di *Boao Forum for Asia* pada tahun 2013.
9. Dikenali sebagai *C-type Ring of Encirclement* yang merujuk kepada wilayah yang bermula dari Jepun dan melalui negara di rantau Laut China Selatan ke India serta berakhir di Afghanistan. Sebuah buku yang dihasilkan pegawai Tentera Udara China mendakwa AS sedang membangunkan satu pembentukan seperti cincin yang bermula dari Jepun, Korea Selatan dan Mongolia di kawasan utara China serta melalui Laut China Selatan hingga ke India di selatan sebagai langkah persediaan membendung kebangkitan kuasa China. Bagi penjelasan lebih terperinci, lihat Qin Jize & Li Xiaokun (2010) melalui artikel *China Circled by Chain of US Anti-Missile Systems* dalam *China Daily* pada 24 Februari 2010; dan Dai Xu (2010) dalam *C-Shaped Encirclement: China's Breakout of Encirclement under Internal and External Threats*. Shanghai: Wenhui Press.
10. Protokol Kyoto merujuk perjanjian antarabangsa bertujuan mengurangkan perlepasan gas karbon dioksida dan peningkatan gas rumah hijau.
11. SREB merupakan konsep yang pernah digunakan pada abad ke-19 selepas laluan komersial dibuka bagi tujuan perdagangan antara China dan Eropah melalui Asia Tengah serta Asia Barat. Kini, konsep tersebut dibangunkan kembali China. Presiden Xi mencadangkan supaya laluan ini diberikan nafas baru semasa lawatan beliau ke laluan tersebut pada bulan September 2013. Xi mengumumkan pembangunan MSR abad ke-21 semasa ucapan beliau di Parlimen Indonesia pada bulan Oktober 2013 dalam rangka lawatan ke rantau Asia Tenggara. Xi turut memberikan penekanan terhadap kerjasama ekonomi serantau yang lebih kukuh termasuk melaksanakan koordinasi kewangan dalam bentuk pertukaran matawang dan kemudahan pelaburan. SREB baru dan MSR abad ke-21 diluluskan sebagai strategi nasional semasa Kongres CCP ke-18 pada tahun 2013.
12. Selain mempunyai beberapa persamaan dengan SREB baru, MSR abad ke-21 memberikan lebih perhatian kepada perkembangan dan kerjasama dalam bidang maritim termasuk hubungan maritim, persahabatan dan kerjasama negara rantau ASEAN dengan China, kerjasama keselamatan termasuk mewujudkan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia serta pertukaran budaya. Pelbagai langkah tersebut merupakan usaha strategik China bagi meningkatkan pelaburan dan meningkatkan kerjasama di sepanjang Laluan Sutera yang bersejarah.
13. Kongres ke-18 bersidang pada 8 November 2012 di Beijing.
14. Sepertimana dinyatakan Presiden Lincoln bahawa intipati bagi impian China adalah “kerana China, oleh China dan untuk China”.
15. Sidang Kemuncak CICA atau *The Conference on Interaction and Confidence Building in Asia* dipromosikan Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev semasa Persidangan Agung PBB tahun 1992. Pada ketika itu, dunia sedang melalui pelbagai fasa perubahan seperti kejatuhan Kesatuan Soviet, perubahan politik drastik di Eropah Timur dan pengakhiran era Perang Dingin. Ekoran keadaan tersebut, dunia membincangkan kemungkinan mewujudkan orde antarabangsa baru. Kebanyakan negara ahli CICA terdiri dari negara rantau Asia Barat termasuk Asia Tengah; Timur; Asia Selatan; Asia Timur dan Asia Tenggara. Dalam pada itu, Rusia dan Mesir yang memiliki wilayah di rantau Asia turut menjadi ahli.

16. Sasaran Pembangunan PBB merujuk kepada lapan sasaran pembangunan antarabangsa yang diwujudkan selepas Sidang Kemuncak Milenium PBB tahun 2000 selaras dengan Deklarasi Milenium PBB. Kesemua 189 negara ahli PBB termasuk 23 pertubuhan antarabangsa menyatakan komitmen bagi membantu merealisasikan sasaran tersebut menjelang tahun 2015 seperti menghapuskan kemiskinan tegar dan kelaparan; menjayakan sektor pendidikan peringkat rendah secara sejagat; mempromosikan hak kesamarataan jantina dan meningkatkan taraf wanita; mengurangkan kematian kanak-kanak; meningkatkan taraf kesihatan ibu mengandung; memerangi penyakit HIV/AIDS dan wabak malaria termasuk lain penyakit; memastikan pemuliharaan alam sekitar; dan membangunkan kerjasama global bagi pertumbuhan.